

27 JUL 2002

MCA-Ling

PERPADUAN AMAT PENTING JIKA MCA MAHU JADI KOMPONEN BERNILAI

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perpaduan parti amat penting bagi MCA jika ia ingin terus menjadi komponen bernilai dalam Barisan Nasional (BN), kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata musuh-musuh MCA di luar BN akan cuba mencari kesempatan daripada perpecahan dan pergolakan dalam MCA untuk melemahkan parti itu.

"MCA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas nasihat yang diberikan kepada MCA selaku pengerusi BN untuk menyelesaikan masalah dalaman MCA," katanya dalam ucapan pada perhimpunan agung tahunan ke-49 MCA hari ini.

Perhimpunan agung yang dirasmikan Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, para pemimpin parti-parti komponen BN serta anggota veteran MCA.

Dr Ling berkata sebagai rakan kongsi BN, MCA telah berusaha dan memberi sumbangan terhadap pemulihan ekonomi, dengan pergerakan Wanita dan Pemuda serta Biro Ekonomi MCA ditugaskan untuk menggerakkan usaha MCA dalam perkara itu.

Beliau berkata perhimpunan-perhimpunan yang bertujuan meningkatkan keperluan pengguna dan perbelanjaan domestik telah diadakan di seluruh negara.

"Usaha ini telah dapat membantu merangsangkan perniagaan tempatan dan membantu negara menjimatkan pertukaran wang asing," katanya.

Beliau juga berkata seminar-seminar juga diadakan untuk membantu orang awam dan anggota-anggota MCA mengenal pasti bidang-bidang baru dalam perniagaan yang akan terus berkembang.

Seminar-seminar yang membimbing rakyat Malaysia memperoleh kemahiran baru dan kelayakan juga diadakan untuk membolehkan mereka mendapat lebih banyak peluang perkerjaan di sektor-sektor lain.

Dr Ling juga berkata MCA telah melancarkan banyak program pendidikan yang sentiasa diberikan keutamaan oleh parti itu dengan berusaha memberi segala bentuk bantuan kepada sekolah-sekolah.

Beliau berkata kemasukan kumpulan pertama pelajar Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) pada 10 Jun lepas telah memenuhi impian dan harapan MCA selama ini dengan tujuan membantu kerajaan memenuhi keperluan generasi muda untuk memasuki universiti.

"MCA sentiasa memandang berat terhadap kehendak generasi muda yang mempunyai kelayakan akademik dan ingin memasuki universiti," katanya.

-- BERNAMA

AT SR AZZ MAI